

## PENGARUH SIKAP DAN PERSEKITARAN TERHADAP KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN SOSIAL MAHASISWA: SATU TINJAUAN

Junainah Idris

Universiti Islam Selangor

Tel: +6013-3639249 Email: [junainah@uis.edu.my](mailto:junainah@uis.edu.my)

Nur Hidayah Ahmad Idris

Universiti Islam Selangor

Tel: +6018-3614058 Email: [nurhidayah@uis.edu.my](mailto:nurhidayah@uis.edu.my)

Fadilah Mat Nor

Universiti Islam Selangor

Tel: +6014-6440288 Email: [fadilahmn@uis.edu.my](mailto:fadilahmn@uis.edu.my)

Aza Shahnaz Azman

Universiti Islam Selangor

Tel: +6012-5073641 Email: [azashahnaz@uis.edu.my](mailto:azashahnaz@uis.edu.my)

### ABSTRAK

Konsep keusahawanan sosial adalah satu konsep keusahawan yang selari dengan keusahawanan Islam. Keusahawanan sosial memfokuskan kepada usaha keusahawanan dengan niat untuk menangani isu sosial dan seterusnya menyumbang kepada manfaat sosial. Penerapan dan pendedahan mengenai konsep keusahawanan sosial ini perlu diterapkan dalam sistem pendidikan terutamanya di institusi pengajian tinggi. Usahawan yang lahir dari Institusi pengajian tinggi ini perlu sedar mengenai kepentingan sifat saling bantu-membantu antara pihak korporat, organisasi dan syarikat dalam kelangsungan hidup rakyat dan bukan hanya sekadar memikirkan untuk menjadi usahawan yang mementingkan keuntungan syarikat semata-mata. Justeru itu objektif kajian ini adalah mengenalpasti tahap kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial dan mengkaji pengaruh faktor sikap dan persekitaran terhadap penglibatkan mereka dalam keusahawanan sosial. Kajian ini adalah kajian kuantitatif dimana 100 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) di Universiti Islam Selangor (UIS) dipilih secara terbuka menggunakan teknik persampelan mudah. Saiz sampel kajian ini adalah berdasarkan saranan Roscoe, 1975. Data bagi kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS dimana tiga analisis iaitu analisis deskriptif min, korelasi dan regresi berganda telah dilaksanakan. Dapatkan menunjukkan tahap kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial adalah tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.01. Dapatkan kajian juga mendapati faktor sikap ( $\beta_1=0.689$ ) mempengaruhi kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial manakala faktor persekitaran ditanggap ( $\beta_2=0.118$ ) dilihat tidak signifikan mempengaruhi kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial. Sebagai kesimpulannya, institut pengajian tinggi perlu menerapkan konsep keusahawanan sosial dan menggalakkan aktiviti berkaitan kerana iaanya mampu membentuk sikap mahasiswa yang positif dan bekecenderungan menjadi usahawan sosial.

**Kata Kunci :** Keusahawanan, Keusahawanan Sosial, Sikap, Persekitaran.

### 1. Pengenalan

Keusahawanan sosial bermula pada tahun 1980-an hingga 1990-an. Istilah ini dicipta oleh Bill Drayton di bawah pembaharuan kesejahteraan masyarakat. Hal ini terjadi kerana gerakan pangkat pada tahun 2007 sebagai pengiktirafan terhadap kerjayanya dalam memupuk perintis keusahawanan sosial terkini seperti Bromley yang terkenal di East London. Dari sudut Islam, keusahawanan sosial ialah pelaksanaan etika Islam dengan memanfaatkan anugerah Allah untuk manfaat diri sendiri, ummah dan semua makhluk penciptaan Allah seperti yang dituntut al- Quran dan as-Sunnah (Muhammad Yusof, 1990). Oleh itu, pengiktirafan keusahawanan sosial di Malaysia mendapat perhatian dari golongan belia sejak tahun 2015 kerana kerajaan memperkenalkan program ini sebagai penanda aras memacu perubahan sosial (Bernama, 2015).

Tuntutan kehidupan abad ke-21 memerlukan sistem pendidikan bertindak balas dengan mengubah situasi persekitaran mengikut peredaran semasa. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan perlu menanamkan sikap dan mengubah persekitaran mahasiswa terhadap keusahawanan supaya berkebolehan dalam pasaran industri (Mohd Hazwan Mohd Puad & Nor Suhaila Mad Nawe, 2021). Sebagai contoh, perubahan di institut pengajian tinggi (IPT) sentiasa dilakukan dengan memperbaiki program-program akademiknya dan mencipta rancangan kursus kemahiran yang selari dengan revolusi industri. Sehubungan dengan itu, setiap IPT perlulah menyediakan Program Intervensi GE (Graduate Employability) bagi meningkatkan kemahiran insaniah, nilai tambah graduan dari aspek kelayakan profesional dan mencipta pekerjaan yang relevan. Implementasi pembudayaan keusahawanan dari IPT dapat membina potensi jati diri, mampu bersaing dan bersedia dengan lonjakan perubahan. Jelaslah bahawa mahasiswa akan mampu membuat keputusan sendiri dan menyahut cabaran dalam bidang keusahawanan setelah tamat pengajian. Bagi mengatasi masalah ini, semua mahasiswa perlu menjalani kursus keusahawanan dan program Intervensi sepanjang berada dalam tempoh pengajian (Rosmani & Aishah, 2018).

Kekurangan bilangan keusahawanan sosial dapat memberikan kesan kepada prestasi pendapatan ekonomi Malaysia yang dikeluarkan oleh pengumpulan maklumat dari Global Entrepreneurship Monitor (GEM) berdasarkan tahun 2017 hingga 2018. Penyataan laporan ini disokong oleh Global Entrepreneurship Research Association, 2018 dimana ianya menyatakan penduduk Malaysia memiliki niat keusahawanan sebanyak 17.6 peratus serta dikategorikan rendah berbanding negara-negara lain seperti Thailand 37.4 peratus dan Indonesia 28.1 peratus. Tambahan pula, pembentangan usul Rancangan Malaysia ke-12, melaporkan bilangan penganggur belia berumur 15 tahun hingga 30 tahun adalah berjumlah 444.8 ribu orang (DOSM, 2023). Hal yang demikian disebabkan pasaran kerja makin terhad. Mahasiswa terpaksa berhadapan rintangan sebanyak 25 peratus selepas 6 bulan tamat pengajian untuk mendapatkan pekerjaan (Hasnan, B. 2021). Pada masa yang sama, sumber kerajaan dipercayai tidak mampu menampung dana keusahawanan dalam jangka masa yang panjang kerana kos pentadbiran yang kian meningkat (Nurul Adilah Hasbullah & Asmak Ab Rahman, 2020). Bertitik tolak dengan kenyataan di atas, jika kerajaan gagal menyediakan bantuan atau sumbangan akan menyebabkan tekanan hidup rakyat meningkat dan negara mengalami krisis ekonomi (Matsubayashi et al, 2020). Oleh yang demikian, mahasiswa yang dilahirkan dari institusi pendidikan tinggi akan dibentuk dan dididik sebagai job creator bagi mengurangkan kebergantungan terhadap sumber kerajaan (Saad & Sankaran, 2021).

Sehubungan dengan itu, masalah dalam sistem pendidikan juga dikenalpasti sebagai penyumbang kepada kekurangan niat keusahawanan dari kalangan mahasiswa kerana masih lemah dalam menyediakan platform keusahawanan yang berkesan bagi menghasilkan tenaga pekerja mahir dan profesional supaya dapat menjayakan agenda pembangunan nasional ke tahap pertumbuhan positif (Seman, N.A., 2021). Namun begitu, keberkesanan faktor keusahawanan di institusi masih berada di tahap rendah (Badariah et al., 2016). Hal ini disokong oleh Andriyansah & Femilia, (2017), dimana dapatan kajian mereka menunjukkan keterlibatan mahasiswa yang mengenali keusahawanan sosial semasa pengajian di universiti masih berada pada tahap rendah iaitu sebanyak 33 peratus sahaja. Hasil kajian Amran, (2018) pula, IPT yang tidak menerapkan elemen keusahawanan sosial akan memberikan kesan kepada kecenderungan, sikap dan pengalaman mahasiswa untuk menceluri kerjaya pada masa hadapan. Justeru, persekitaran institusi pendidikan dapat meningkatkan identiti mahasiswa terhadap kemampuan bersaing dan menghargai perbezaan pendapat dalam menyelesaikan masalah semasa membangunkan keusahawanan sosial (Ridvan, 2019).

Sektor perindustrian yang kian meningkat memerlukan pertambahan bilangan pekerja merupakan masalah yang kedua dalam pengambilan pekerjaan. Menurut Shaikh Ismail & Mohd Shafiqai, (2017),

terdapat ketidakadilan dalam pembahagian tenaga kerja dan sumber pendapatan dan ini menyebabkan timbulnya isu kemiskinan atau pengangguran di Malaysia. Selain itu, diskriminasi yang melampau dalam tenaga kerja turut dikesan setiap tahun (Huda, 2016). Mahasiswa pula terpaksa bersaing merebut peluang pekerjaan termasuk berhadapan dengan penularan wabak covid-19 sejak penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan (PKP) diadakan dan perlu berhadapan dengan pelbagai bencana alam semenjak 20 Januari 2020 (Nurul Adilah Hasbullah & Asmak Ab Rahman, 2020). Disamping itu, mahasiswa yang sengaja lambat untuk berubah atau tidak mahu mengikuti arus perubahan teknologi akan dipinggirkan maka terjadilah pengangguran kerana tiada manusia yang sempurna jika bersendirian terutamanya dalam dunia keusahawanan yang memerlukan tenaga dan sumber manusia secara berterusan (Ali, Sarif, Nor 'Azzah Kamri, 2003).

Seterusnya, masalah yang ketiga adalah sikap usahawan Muslim berkait rapat dengan nilai keagamaan yang sekaligus mencetuskan pengaruh kecenderungan keusahawanan (Ismail et al., 2021). Hal ini disokong oleh (Manshor & Abdullah, 2021), dimana mereka berpendapat individu yang tidak mematuhi nilai agama dan nilai moral akan tidak bekehendaknya terlibat dalam program keusahawanan sosial. Hal ini bersangkutan-paut dengan pengurusan sumber manusia dalam organisasi yang tidak dikawal selia secara baik dimana ia akan melahirkan jaringan keusahawanan yang lemah sehingga membentuk individu yang mempraktikkan penyalahgunaan kuasa di tempat kerja dan menghilangkan pembentukan sahsiah peribadi yang mahmudah (Anita Ismail et al, 2021). Oleh yang demikian, berbuat baik pada diri, pelanggan dan prinsip bantu membantu usahawan yang lain merupakan tanda-tanda peniaga muslim yang taat pada perintah Allah SWT dan menepati syarat kerjaya keusahawanan sosial. Justeru kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial dan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan mereka.

## 2. Kajian Literatur

### 2.1 Konsep Keusahawanan Sosial

Terdapat banyak tafsiran tentang konsep keusahawanan sosial yang didefinisikan oleh beberapa pengkaji-pengkaji barat antaranya ialah Bornstein, D., (2007) menyatakan keusahawanan sosial tidak menghasilkan sebarang keuntungan tetapi mementingkan kesan prestasi sosial terhadap masyarakat. Selain itu, konsep keusahawanan sosial ialah gabungan perwakilan misi sosial menggunakan gambaran perniagaan seperti kepuatan tatatertib, mampu berinovasi dan penetapan untuk menangani kewujudan masalah sosial (Dees, 2001). Amaya Erro-Garces, (2019) turut menyokong individu yang memilih untuk menjadi usahawan sosial mampu mencipta peluang pekerjaan dan membantu orang lain dengan menyelesaikan masalah sosial, ekonomi dan alam sekitar. Tambahan pula, konsep keusahawanan sosial adalah perwakilan dari pelbagai aktiviti dan perubahan untuk mewujudkan nilai sosial yang baik (Bornstein et al, 2010).

Menurut perspektif Islam, konsep keusahawanan sosial mengandungi definisi yang luas iaitu manusia bertanggungjawab sebagai hamba untuk menuaikan tuntutan hak kepada Allah dan menjaga batas hubungan manusia sesama manusia (Mohd Zain Mubarak, 2015). Siddiqi, (1979) menyatakan keusahawanan sosial adalah kegiatan yang terarah kepada kemampuan yang memuaskan, perkhidmatan kepada komuniti dan menghulurkan pertolongan. Oleh yang demikian, konsep keusahawanan sosial berkaitan rapat dengan ajaran islam iaitu mengambil kira keperluan dan manfaat masyarakat serta memberi banyak manfaat kebaikan bagi jangka masa yang lama dalam pertubuhan dan organisasi perniagaan (Iman & Mohammad, 2017).

Anita Ismail et al, (2021) mengatakan dari sudut prinsip Islam, keusahawanan sosial bukanlah satu perlumbaan perniagaan tetapi menitikberatkan prinsip bantu membantu berlandaskan semangat komunikasi dan kerjasama dalam ekonomi dalam setiap aktiviti keusahawanan yang dijalankan. Justeru, pemahaman terhadap keusahawanan sosial perlulah diterapkan kepada seluruh lapisan mahasiswa khususnya dalam memupuk sikap dan kesedaran untuk menjadi seorang usahawan berdasarkan kemampuan diri. Selain itu, Amran , N. ., & Abu Seman, N. A. (2021) berpandangan keusahawanan sosial merupakan jalan penyelesaian kepada kadar pengangguran yang berleluasa maka IPT perlu membangunkan idea-idea kreatif bagi menyediakan mahasiswa supaya menjadi seorang usahawan dengan menyediakan sumber pengetahuan yang diperlukan terutamanya dari aspek struktur isi kandungan dan rancangan pengajian dalam bidang keusahawanan.

Di samping itu, fungsi keusahawanan sosial adalah mengatasi masalah bilangan pengangguran dan mempromosikan keusahawanan sosial sebagai jalan terbaik untuk membangunkan ekonomi negara terutamanya ketika berhadapan dengan pelbagai krisis yang terjadi di dunia (Nur Syazwani & Radin Siti Aishah, 2021). Selain itu, hasil dapatan kajian Syazwani et al, (2021) menunjukkan tahap keinginan menjadi usahawan berada pada tahap sederhana tetapi kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial adalah tinggi selari dengan kenyataan kajian Nur Syazwani & Radin Siti Aishah, (2021) yang mengenal pasti tahap dan keusahawanan sosial dalam kalangan mahasiswa UMK. Hal ini demikian kerana faktor pengalaman mahasiswa berkecimpung dalam bidang keusahawanan sosial sebanyak 78.1 peratus dalam tempoh satu hingga enam bulan kerana mempunyai keinginan untuk mencuba, berminat terhadap platform yang disediakan dalam meneroka ilmu keusahawanan. Justeru, dengan adanya konsep keusahawanan sosial yang efektif boleh menyelesaikan masalah masyarakat dalam mendekatkan jurang pendapatan jika kerajaan mengetahui status dan keperluan ekonomi (Shahrilzaily, 2017).

## 2.2 Sikap Terhadap Keusahawanan

Allport, 1954 mendefinisikan sikap sebagai langkah kesediaan mental dan saraf yang di susun atur berdasarkan pengalaman dan tindak balas terhadap situasi sesuatu objek, orang atau peristiwa. Pernyataan ini disokong oleh Fishbein & Ajzen, (1975) yang menerangkan bahawa individu akan menilai dirinya samada merasai keseronokan atau tidak dalam melaksanakan suatu tingkah laku tersebut. Kaedah tersebut merujuk kepada sikap perilaku individu terhadap objek yang dinyatakan.

Seterusnya, kajian mengenai tahap keinginan keusahawanan di institut pengajian tinggi swasta di Malaysia menunjukkan jalan inisiatif seperti pendedahan awal dan persepsi kerjaya keusahawanan dapat mengenalpasti hubungan tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa IPTS di Malaysia (Aiman Hazim Roosli & Nor Aishah Buang, 2021). Hasil kajian menyatakan sikap keusahawanan dalam kalangan mahasiswa IPTS di Negeri Sembilan berada pada tahap yang tinggi (Roosli & Buang, 2021). Keinginan terhadap keusahawanan akan mencetuskan sikap keusahawanan dalam diri seorang individu untuk mewujudkan aktiviti perniagaan sehingga mampu membangunkan sebuah perniagaan. Selain itu, sikap keusahawanan juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain contohnya seperti karnival keusahawanan di mana ianya dapat memberikan pengalaman bagi membentuk, membangun dan memaksimalkan potensi diri dalam kalangan mahasiswa jurusan perakaunan (Mohammad Suwardi bin Mohd et al, 2017). Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Nur Syazwani & Radin Siti Aisyah, (2021) juga menyatakan sikap merupakan hasil tindak balas dari pengaruh kecerdasan keupayaan emosi yang berpunca dari pembelajaran keusahawanan yang efektif di pengajian sehingga membangunkan keinginan dalam kalangan mahasiswa menjadi seorang usahawan sosial.

### 3. Metodologi kajian

Kajian ini adalah kajian kuantitatif dimana borang soal selidik telah diedarkan kepada 100 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM), Universiti Islam Selangor. Jumlah sampel ini adalah berdasarkan Roscoe, 1975 yang dipilih secara terbuka menggunakan teknik persampelan mudah. Mengikut pendapat kajian dari Sekaran & Bougie (2013), set garis panduan Roscoe, 1975 menjadi pilihan dalam beberapa dekad belakangan ini dalam menentukan saiz sampel berdasarkan cadangan kepada kebanyakan pengkaji kajian membawa kepada perlakuan boleh menggunakan sampel ini berdasarkan nombor saiz lebih besar daripada 30 responden dan lebih kecil daripada 500 responden adalah sesuai manakala jika terlebih daripada 500 responden akan menyebabkan kajian menjadi ralat dan tidak sesuai digunakan. Tambahan pula, sampel yang diambil perlu mempunyai ciri populasi yang ingin dikaji oleh pengkaji supaya dapat memberi gambaran umum tentang keseluruhan populasi yang dikaji berdasarkan maklumat yang diperolehi (Sekaran & Bougie, 2013).

Proses pengumpulan data pula menggunakan borang soal selidik yang telah dibahagikan kepada empat bahagian seperti di jadual 1. Manakala analisis kajian adalah menggunakan perisian SPSS dimana analisis deskriptif min dilaksanakan untuk melihat tahap kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawan sosial, analisis korelasi untuk mengkaji hubungan antara faktor sikap dan persekitaran dengan kecenderungan kepada keusahawan sosial dan analisis regresi berganda untuk mengkaji pengaruh faktor sikap dan persekitaran terhadap kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial.

**Jadual 1: Pembentukan Borang Soal Selidik**

Bahagian	Item	Bilangan Soalan	Adaptasi
A	Demografi	5	-
B	Kecenderungan Keusahawanan Sosial	5	Nur Syazwani Mohd Ali, Radin Siti Aishah Radin A Rahman (2021)
C	Sikap	7	Rosdi (2021), Ravi a/l Nagarathanam (2015)
D	Persekutaran	10	Noraihan Mohamad & Mohd Sobhi Ishak (2014),
	Jumlah	27	

Pengkaji juga telah menjalankan kajian rintis dan seterusnya telah melaksanakan ujian kebolehpercayaan. Chua Yan Piaw (2006) menjelaskan bahawa kajian rintis ini merupakan penyelidikan awal yang dilaksanakan sebelum pelaksanaan kajian sebenar bermula. Tujuan kajian adalah melihat keberkesanan kepercayaan soalan-soalan kaji selidik sebelum kajian sebenar dilakukan dengan menggunakan kumpulan sampel yang kecil dari maklum balas responden secara mudah. Pengkaji telah melakukan kajian rintis terhadap 30 responden dan mendapati responden tidak mempunyai sebarang masalah dalam memahami soalan di dalam borang soal selidik yang diberikan. Menurut Hair et al (2008), nilai Cronbach alpha dapat diterima jika melebihi 0.6 untuk mengesahkan kebolehpercayaan instrumen soal selidik. Jadual 2 dibawah menunjukkan klasifikasi tahap kebolehpercayaan. Disamping itu, jadual 3 pula menunjukkan keputusan ujian kebolehpercayaan. Dapatkan menunjukkan nilai Cronbach Alpha berada dalam tahap baik dan sangat baik.

**Jadual 2: Klasifikasi Tahap Kebolehpercayaan Instrumen**

<b>Alpha Cronbach</b>	<b>Tahap kebolehpercayaan</b>
0.90 - 1	Sangat Baik
0.80 - 0.89	Baik
0.60 – 0.79	Boleh Diterima
0.40 – 0.59	Item Perlu Dibaiki
0.00 – 0.39	Item Perlu Ditolak

Sumber: Maimun Aqasha Lubis (2018)

**Jadual 3: Ujian Kebolehpercayaan**

<b>Item</b>	<b>Bilangan Soalan</b>	<b>Nilai Cronbach Alpha</b>	<b>Tahap</b>
Kecenderungan Keusahawanan Sosial	5	0.891	Baik
Sikap	7	0.909	Sangat Baik
Persekitaran	10	0.947	Sangat Baik

## 4. Analisis dan Perbincangan

### 4.1 Profil Responden

Bahagian A mengandungi latar belakang responden iaitu jantina, umur, tahap pengajian dan tahun pengajian dalam borang soal selidik kajian yang telah diedarkan kepada responden. Analisis umur menunjukkan 55% responden adalah perempuan manakala 45% responden adalah lelaki. Bagi umur pula, responden yang paling ramai adalah berumur dalam lingkungan 21 hingga 23 tahun iaitu seramai 29 orang (29%), manakala responden yang paling sedikit adalah dalam lingkungan umur 18 hingga 20 tahun iaitu seramai 21 orang (21%). 23 orang lagi responden adalah dalam lingkungan umur 24 hingga 26 tahun manakala yang berumur dalam lingkungan 27 tahun ke atas adalah seramai 27 orang (27%). Analisis berkenaan tahap pengajian menunjukkan responden pada tahap pengajian diploma adalah seramai 38 orang bersamaan 38%, ijazah sarjana muda adalah yang paling tinggi iaitu 43 orang bersamaan 43%. Ijazah sarjana 11 orang bersamaan 11% manakala ijazah sarjana Doktor Falsafah adalah yang paling rendah iaitu 8 orang bersamaan 8%. Bagi kategori tahun pengajian pula dapatkan menunjukkan mahasiswa tahun pertama dan kedua masing-masing adalah seramai 26 orang bersamaan 26%. Mahasiswa tahun ketiga 14 orang bersamaan 14% manakala mahasiswa tahun keempat mencatatkan angka yang paling tinggi iaitu seramai 34 orang bersamaan 34% .

### 4.2 Tahap Kecenderungan Keusahawanan Sosial dalam Kalangan Mahasiswa FPM

Persoalan kajian 1 adalah mengenalpasti tahap kecenderungan keusahawanan sosial dalam kalangan mahasiswa FPM. Bagi menjawab persoalan kajian ini, analisis deskriptif min telah dilaksanakan. Jadual 4 dibawah memberi interpretasi mengenai tahap pemeringkatan skor min dan tahap penilaian (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2003).

**Jadual 4: Interpretasi Skor Min**

SKOR MIN	TAHAP
1.00 – 2.33	Lemah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Mohd Najib Abdul Ghafar, 2003

**Jadual 5: Tahap Kecenderungan Mahasiswa Terhadap Keusahawanan Sosial**

Item	N	Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap
B1. Saya bermatlamat untuk menjadi usahawan sosial.	100	3.93	.728	Tinggi
B2. Saya menjangkakan akan terlibat dalam memulakan perusahaan sosial yang akan membantu golongan terpinggir.	100	4.19	.787	Tinggi
B3. Saya akan memulakan organisasi yang mempunyai keuntungan berterusan bagi menampung matlamat sosial pada suatu hari nanti.	100	4.07	.769	Tinggi
B4. Saya mempunyai kecenderungan untuk menjadi usahawan sosial yang berjaya	100	3.99	.745	Tinggi
B5. Saya sangup melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan sosial	100	3.85	.869	Tinggi
Nilai Min Keseluruhan		4.01		Tinggi

Jadual 5 menunjukkan nilai min secara keseluruhan bagi item kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min keseluruhan 4.01. Penyataan “*Saya menjangkakan akan terlibat dalam memulakan perusahaan sosial yang akan membantu golongan terpinggir*” mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.19 manakala penyataan “*Saya sangup melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan sosial*” mendapat nilai skor min paling rendah iaitu 3.85 . Ini menunjukkan kebanyakan mahasiswa mempunyai niat untuk melibatkan diri dalam keusahawanan sosial bagi membantu golongan komuniti yang terpinggir walaupun ada segelintir mahasiswa masih tidak mempunyai minat dalam mengikuti kursus atau kerjaya keusahawanan sosial.

**4.3 Pengaruh Faktor Sikap dan Persekitaran Terhadap Kecenderungan Keusahawanan Sosial**  
Bagi mencapai persoalan kajian 2 iaitu mengkaji pengaruh faktor sikap dan persekitaran terhadap kecenderungan keusahawanan sosial, analisis korelasi telah dijalankan untuk melihat adakah faktor-faktor ini mempunyai hubungan dengan kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial. Selain daripada itu, analisis regresi berganda juga dilaksanakan untuk melihat kekuatan pengaruh setiap faktor.

Bagi persoalan kajian ini, dua hipotesis telah diuji:

$H_1$ : Faktor sikap mempengaruhi kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial.

$H_2$ : Faktor persekitaran mempengaruhi kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial

Bagi analisis korelasi, pengkaji menggunakan skala kekuatan korelasi Pearson dan kekuatan hubungan yang dicadangkan oleh Chua (2011) dalam jadual 6.

**Jadual 6: Skala Kekuatan Korelasi Pearson**

Skor Korelasi Pearson	Kekuatan Hubungan
0.00	Tiada Korelasi
0.01 – 0.30	Sangat Lemah
0.31 – 0.50	Lemah
0.51 – 0.70	Sederhana
0.71 – 0.90	Tinggi
0.91 – 1.00	Sangat Tinggi

Sumber: Chua (2011)

**Jadual 7: Nilai Korelasi bagi Item Sikap dan Persekutaran**

Item	Nilai Korelasi	Nilai Signifikan	Kekuatan Hubungan
Sikap	.689**	.000	Sederhana
Persekutaran	.390**	.000	Lemah

Jadual 7 menunjukkan hasil data korelasi yang telah berjaya dikeluarkan menyatakan terdapat hubungan yang signifikan dengan memboleh ubah bersandar iaitu sikap dan persekitaran terhadap kecenderungan keusahawanan sosial. Namun begitu, kekuatan hubungan antara kedua pembolehubah ini mempunyai nilai korelasi yang berbeza antara satu sama lain. Hasil kajian mendapati faktor sikap mempunyai hubungan yang sederhana terhadap kecenderungan keusahawanan sosial dengan nilai korelasi ( $r= 0.689$ ,  $sig=0.000 < 0.01$ ) manakala faktor persekitaran menunjukkan hubungan yang lemah terhadap kecenderungan keusahawanan sosial dengan nilai korelasi ( $r= 0.390$ ,  $sig=0.000 < 0.01$ ).

Untuk mengukuhkan dapatan kajian ini, analisis regresi berganda telah dilaksanakan. Dalam Model Regresi 1 (Jadual 8) menunjukkan, hanya pemboleh ubah sikap mempengaruhi kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial. Nilai R squared= 0.474 menunjukkan bahawa 47.4% kecenderungan terhadap keusahawanan sosial adalah disebabkan sikap mahasiswa dan pengaruhnya adalah sederhana kuat ( $R^2$  change > 0.30).

**Jadual 8: Ringkasan Model**

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.689 <sup>a</sup>	.474	.469	.42220

a. Predictors: (Constant), Sikap

Seterusnya, Jadual 9, iaitu jadual ANOVA menunjukkan bahawa secara keseluruhan, terdapat perhubungan yang signifikan antara pembolehubah sikap dengan kecenderungan keusahawanan sosial [ $F(1,98) = 88.46$ ,  $p < 0.05$ ]. Keputusan ANOVA di bawah pula menunjukkan bahawa secara keseluruhan, terdapat perhubungan yang signifikan antara pembolehubah sikap dengan kecenderungan keusahawanan sosial [ $F(1,98) = 88.46$ ,  $p < 0.05$ ].

**Jadual 9: ANOVA**

Model	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	1	15.767	88.455	.000 <sup>b</sup>
	Residual	98	.178		
	Total	99			

 a. *Dependent Variable:* KecenderunganKeusahawananSosial

 b. *Predictors:* (Constant), Sikap

Jadual koefisien (Jadual 10) bagi model 1 ini yang melibatkan kombinasi antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar, menunjukkan sikap ( $B=0.689$ ,  $t=9.41$ ,  $p < 0.05$ ) merupakan pembolehubah tidak bersandar yang signifikan kepada kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial. Sebaliknya, faktor persekitaran (Jadual 11) ( $B=0.118$ ,  $t=1.467$ ,  $p > 0.05$ ) bukan merupakan pembolehubah tidak bersandar yang signifikan kepada kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial. Berdasarkan dapatan kajian ini, faktor sikap dengan nilai ( $B=0.689$ ,  $t=9.41$ ,  $p < 0.05$ ) merupakan pembolehubah tidak bersandar yang signifikan kepada kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial.

**Jadual 10: Jadual Koefisien**

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	1.292	.292	4.429	.000
	Sikap	.649	.069	9.405	.000

 a. *Dependent Variable:* KecenderunganKeusahawananSosial

**Jadual 11: Excluded Variables**

Model	Beta In	t	Sig.	Partial Correlation	Collinearity Statistics	
					Tolerance	
1	Persekutaran	.118 <sup>b</sup>	1.467	.146	.147	.819

 a. *Dependent Variable:* KecenderunganKeusahawananSosial

 b. *Predictors in the Model:* (Constant), Sikap

$H_1$ : Faktor sikap mempengaruhi kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial.

$H_2$ : Faktor persekitaran mempengaruhi kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial.

Sebagai kesimpulannya dapatan kajian ini menunjukkan bahawa cukup bukti untuk menolak  $H_{01}$  dan dapat disimpulkan faktor sikap mempengaruhi kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial manakala dapatan juga mendapat tidak cukup bukti untuk menolak  $H_{02}$ . Ini menunjukkan faktor persekitaran mempengaruhi kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial adalah ditolak.

#### 4.4 Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian mengenai tahap kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial menunjukkan nilai yang positif di mana skor min keseluruhan adalah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan mahasiswa cenderung untuk melibatkan diri dalam keusahawanan sosial. Kenyataan ini disokong oleh Nur Syazwani Mohd Ali & Radin Siti Aishah Radin A Rahman (2021) yang menyatakan punca mahasiswa berkeinginan tinggi terhadap keusahawanan sosial adalah kerana keberkesanan merangka modul pengajaran dan pembelajaran serta memberikan penekaan terhadap penerapan aktiviti keusahawanan dengan pertolongan dari kakitangan tertinggi dan pensyarah di universiti. Selain itu, Nur Azira Amran et al (2018) pula menjelaskan faktor pengalaman yang dibentuk seperti aktiviti sukarelawan, kursus lapangan yang bersifat kemasyarakatan dan mencari dana perniagaan sosial di IPT adalah penyebab utama bagi mahasiswa menceburi keusahawanan sosial. Implikasi dari dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kepentingan kecenderungan keusahawanan sosial sangatlah penting dalam diri mahasiswa agar menjadi seorang individu yang bertanggungjawab dan peka terhadap masalah sosial dalam hidup bermasyarakat.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, faktor sikap mempunyai pengaruh terhadap kecenderungan keusahawanan sosial sebanyak  $R^2$  0.474 bersamaan 47.4%. Hasil ini membuktikan bahawa pengaruh sikap terhadap keusahawanan sosial adalah sederhana kuat sebanyak 68.9% dan ini menyebabkan sikap mahasiswa cenderung melibatkan diri dalam keusahawanan sosial. Hal ini kerana institusi memberikan pendedahan awal terhadap keusahawanan sosial dapat mempengaruhi sikap keusahawanan dalam diri mahasiswa (Aiman Hazim Roosli & Nor Aishah Buang, 2021). Tambahan pula, sikap mahasiswa yang dibentuk oleh pelbagai agensi dan institusi turut menyumbang kepada peningkatan keinginan mahasiswa untuk terlibat dalam keusahawanan sosial pada masa hadapan (Ravi A/L Nagarathanam, 2015). Selain itu, Nurul Jasmin Ramli & Noor Aslinda Abu Seman, (2020) berpendangan mahasiswa yang menyertai program pendidikan dan latihan keusahawanan dapat membangunkan sikap keusahawanan sosial menjadi lebih terkawal dan membentuk keyakinan diri terhadap kebolehan atau kemahiran.

Seterusnya, faktor persekitaran pula hanya sebesar 11.8% sahaja dan tidak mempengaruhi kepada kecenderungan mahasiswa terhadap keusahawanan sosial. Hariyat Ab Wahid et al, (2019) menyatakan faktor persekitaran dilihat kurang diterapkan dalam kurikulum, pendedahan peranan model, lawatan ke perusahaan usahawan sosial dan gagal membentuk jalinan kerjasama dengan fakulti keusahawanan dengan fakulti bukan keusahawanan. Selain itu, pandangan dari pengkaji Venkatesh dan Davis, (2000) menyatakan persekitaran tidak mempengaruhi kerana persekitaran hanya penting pada peringkat awal penggunaan sahaja dan tidak berkesan dalam tempoh masa yang panjang. Pernyataan ini turut disokong oleh Haizum Ruzanna Sahar et al, (2021) yang menyatakan bahawa pengaruh persekitaran terhadap terhadap perilaku sukarela dan tiada keinginan melaksanakan walaupun mahasiswa sudah mempunyai pengalaman dan kumpulan rujukan.

### 5. Kesimpulan

Laporan Kementerian Kewangan Malaysia, 2020 menyatakan kerajaan telah memperkenalkan beberapa rangsangan, sokongan dan bantuan yang bernilai RM250 bilion untuk disalurkan kepada rakyat, perniagaan dan komuniti yang terjejas demi memperkuatkan sektor perindustrian negara (Nurul Adilah Hasbullah & Asmak Ab Rahman, 2020). Dasar Keusahawanan Nasional, 2030 (DKN 2030) dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) menekankan pembangunan mahasiswa yang cenderung menjadi seorang usahawan dalam pelbagai industri dan menyelaraskan ekosistem keusahawanan menjadi kondusif supaya dapat meningkatkan sumbangan kegiatan mikro kecil dan sederhana (PMKS) kepada pengeluaran pendapatan negara kasar (KDNK) sebesar 45 peratus

sebelum tahun 2025 (Bernama, 2021). Maka, kepentingan menggalakkan aktiviti keusahawanan dapat mendatangkan banyak manfaat dan rangsangan dalam menyediakan ruang pekerjaan, meningkatkan pendapatan negara dan menambahkan bilangan usahawan (Mohd Shahrir Abdullah, 2015).

Antara beberapa perusahaan sosial yang dikenali ramai yang aktif dalam memberikan sumbangan adalah perusahaan minyak dan gas terbesar di Malaysia iaitu PETRONAS. PETRONAS selalu berkomitmen menyumbangkan dana antaranya sumbangan bernilai RM25 juta dalam meringankan beban mangsa banjir di seluruh Malaysia (Nurfarahin Hussin, 2021). Selain itu, syarikat kesihatan penapis air “*Best Life Solution*” iaitu COWAY Malaysia turut menyumbangkan RM400,000 kepada program bantuan bakul makanan MERCY Malaysia bagi komuniti yang terjejas disebabkan pandemik covid-19 (Hanis Aliaa Hidzir, 2021) dan turut menyumbangkan sejumlah penapis air dan udara di pusat penempatan sementara (PPS) yang terpilih. Antara aktiviti keusahawanan sosial yang digerakkan secara individu adalah Firdaus Wong Wai Hung dari syarikat *Multiracial Reverted Muslim* yang aktif menyumbangkan makanan yang bernilai RM100,000 kepada para petugas barisan hadapan dan golongan yang terjejas sepanjang tempoh PKP hingga penghujung Ramadan 2020. Beliau berpandangan menjadi kewajipan menghulurkan sumbangan terhadap masyarakat yang memerlukan.

Golongan mahasiswa adalah golongan yang berpotensi dan mempunyai peluang yang luas untuk menceburi bidang keusahawanan. Mahasiswa boleh membuat persediaan awal dengan menyertai pelbagai kursus penguasaan semasa di peringkat pengajian untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian dan pasaran buruh. Ini kerana banyak peluang pekerjaan tersedia dalam sektor perdagangan, sektor perkhidmatan tetap, sektor pendidikan, sektor kesihatan dan sektor kerja sosial yang semakin meningkat (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Selain itu, mahasiswa yang disuntik impak positif dalam menyertai kursus keusahawanan sosial semasa pengajian mampu mendorong momentum aktiviti ekonomi negara dan menyokong operasi perniagaan dengan meningkatkan kadar keupayaan diri. Tambahan pula, mahasiswa perlu cakna wujudnya konsep tanggungjawab sosial korporat (*CSR*) dalam dunia operasi perniagaan yang dikenal pasti sebagai kaedah paling strategik dalam membentuk kejayaan sesebuah organisasi. Antaranya, menganjurkan kegiatan sukarela, menghulurkan bantuan berbentuk dana daripada organisasi terhadap komuniti terpilih dengan bermatlamat meningkatkan penjenamaan syarikat, membantu kerajaan, membina kepercayaan awam, dan menyokong dasar sosial negara.

Perusahaan perlu memanfaatkan lima perkara utama dalam pelaksanaannya seperti membangunkan sumber manusia, meneguhkan kedudukan ekonomi, menyelesaikan permasalahan sosial, mewujudkan etika profesional dan menjaga sumber alam sekitar untuk meningkatkan kualiti hidup semua pihak termasuk pekerja, masyarakat dan alam sekitar (Muhammad Zamri Zainal Abidin et al, 2017). Sebagai contoh, pembangunan prosedur operasi kerja yang terpelihara, sistematik dan sumber manusia yang tidak berat sebelah akan mewujudkan pengagihan sumber manusia yang sentiasa berkesan, kebijakan pekerja terpelihara, dan meningkatkan semangat pekerja sehingga membawa kepada ketaatan dan kejujuran semasa bertugas. Masyarakat juga merasakan kehadiran dan rasa kepedulian daripada perusahaan yang menghulurkan bantuan samada berbentuk dana kewangan, peralatan dan bantuan tenaga semasa masyarakat dilanda musibah.

Kesimpulannya, mahasiswa yang mempunyai sikap yang positif terhadap perniagaan dan masyarakat akan bekehendaknya terlibat dengan keusahawanan sosial. Matlamat ini akan mampu dicapai jika mereka diberikan pendedahan secara berterusan melalui pertolongan dari kerajaan, organisasi, pertubuhan sukarelawan dan persatuan yang berkomitmen melaksanakan tanggungjawab kepada

rakyat samaada dari sudut aspek sosial maupun aspek ekonomi. Penekanan terhadap keusahawanan sosial perlu dititikberatkan demi kelangsungan hidup rakyat jelata yang berhadapan pelbagai kesukaran (Nurul Adilah Hasbullah & Asmak Ab Rahman, 2020).

## 6. Rujukan

- Aiman Hazim Roosli, N. A. (2021). Tahap Keinginan Keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi Swasta: Perspektif di Malaysia. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 1- 6.
- Ali, N. A. binti, & Sarif, Nor 'Azzah binti Kamri, S. bin. (2003). Pembudayaan Keusahawanan Islam: Implikasinya terhadap Pembangunan. *Jurnal Usuluddin*, 75–90.
- Allport, F.H. (1954). The structuring of events: outline of a general theory with applications to psychology. *Psychological Review [Psychol Rev]*, Vol. 61 (5): 281-303.
- Amaya Erro-Garcés. (2019). Creativity and Emotions as Drivers for (Hasnan, 2021) Entrepreneurship, *Journal of Social Entrepreneurship* vol.11, no.3, pp.1942- 0676.
- Amran, N. A., Kamaruddin, M. N., & Radin A.Rahman, R. S. A. (2018). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembentukan Model Kecenderungan Keusahawanan Sosial. Proceeding: International Conference on Entrepreneurship, Business and Tourism (ICEBT), 129–143.
- Amran , N. ., & Abu Seman, N. A. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1499–1508. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/1874>
- Andriyansah & Femilia Zahra. (2017). Student Awareness Towards Social Entrepreneurship: A Qualitative Study. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)*, 8(6), 457-464.
- Anita Ismail, F. L. (2021). Pembudayaan Keusahawanan Islam Menuju Al-Falah: Cabaran Globalisasi Era Covid-19. *International Virtual Conference on Economics, Entrepreneurship and Management*. Nilai: Falkulti Universiti Sains Islam Malaysia.
- Badariah Hj. Din, Abdul Rahim Anuar & Mariana Usman. 2016. The effectiveness of the entrepreneurship education program in upgrading entrepreneurial skills among public university students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 224 (August 2015): pp. 117-123.
- Bernama. (2015, Mac 19). Najib Gesa Belia Teroka Bidang Keusahawanan Sosial. Mstar: <https://www.mstar.com.my/local/semasa/2015/03/19/ pmkeusahawanan - sosial .>
- Bernama. (2021, September 27). RMK-12: Kerajaan Pupuk Minda Usahawan. Metro: <https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/bisnes/2021/>
- Bornstein, D. & Davis, S. (2010). Social Entrepreneurship: What Everyone Needs to Know. USA: Oxford University Press.
- Bornstein, D. (2007). *How to Change the World*. Oxford: Oxford University Press.
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan: buku 1. McGraw-Hill.
- Chua, Y. P. (2011). Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan. McGrawHill Education. Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). Research methods in education. Routledge. Cohen, R. J., & Swedlik, M. E. 2018. Psychological testing and assessment: An introduction to tests
- Dees, J. G. 2001. The meaning of “social entrepreneurship”. <http://www.hbs.edu/socialenterprise/newsletter/index.html> (accessed 15 January 2006).
- DOSM, (2023, Mei 5). Statistik Pengangguran Belia Bulanan. OpenDOSM: [https://open.dosm.gov.my/ms-MY/data-catalogue/lfs\\_month\\_youth](https://open.dosm.gov.my/ms-MY/data-catalogue/lfs_month_youth)

- Fishbein, M. & Ajzen, I. (1975). Belief, attitude, intention, and behavior. New York: Addison - Wisley Publishing Company.
- Global Entrepreneurial Research Association (GERA). (2018). Global report 2017/2018. Diperolehi daripada [www.gemconsortium.org](http://www.gemconsortium.org)>report.
- Hair, J. F., Celsi, M., Ortinau, D. J., and Bush, R. P. (2008). Essentials of marketing research. New York, NY: McGraw-Hill/Higer Education.
- Haizum Ruzanna Sahar, M. H. (2021). Pengaruh Faktor Penentu Tingkah Laku Penerimaan E-Dagang Dalam Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia. *Jurnal Sains dan Kemanusian*, 195-211.
- Hasnan, B. (2021, April 1). Berita Harian. Diperolehi daripada Pasaran Kerja Kian Mencabar Tuntut Graduan Persiapkan Diri:<https://www.bharian.com.my/>
- Hidzir, H. A. (2021, September 22). Berita Harian. Diperolehi daripada Coway, MERCY Malaysia Sumbang Bantuan Makanan: <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita-mercymalaysia-sumbang-bantuan-makanan>.
- Huda, C. (2016). Ekonomi Islam dan Kapitalisme (Merunut Benih Kapitalisme dalam Ekonomi Islam). *Economica: Jurnal Ekonomi Islam* <https://doi.org/10.21580/economica.2016.7.1.103>.
- Hussin, N. (2021), Disember 21. Petronas Sumbang RM 25 Juta Untuk Misi Bantuan Banjir. Utusan Malaysia: <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/12/petronas>
- Iman, A. H. M., & Mohammad, M. T. S. H. (2017). Waqf as a framework for entrepreneurship. *Humanomics*. <https://doi.org/10.1108/H-01-2017-0015>.
- Ismail, A., Laili, F., Ismail, M., Sulaiman, M., & Ahmad, S. (2021). Pembudayaan Kusahawanan Islam Menuju Al-Falah: Cabaran Globalisasi Era Covid-19 Budaya Tradisi Keusahawanan daripada Perspektif Islam. International Virtual Conference on Economics, Entrepreneurship and Management, 1–15.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Statistik utama laporan Tenaga Buruh di Malaysia, April, 8.
- Lubis, M. A. (2018). *Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam: Isu dan Cabaran*. Bangi: Penerbitan UKM.
- Manshor, Z., & Abdullah, S. (2021). Wakaf Dan Keusahawanan Sosial: Potensi Dalam Memperkasakan Ekonomi Muslim. Journal Website: Journal ..., 98–103. [http://journal.zakatkedah.com.my/wp-content/uploads/2021/04/Vol.-3-Issue1\\_98-103.pdf](http://journal.zakatkedah.com.my/wp-content/uploads/2021/04/Vol.-3-Issue1_98-103.pdf).
- Matsubayashi, T., Sekijima, K., & Ueda, M. (2020). Government spending, recession, and suicide: Evidence from Japan. *BMC Public Health*, 20(1), 1–8. <https://bmcpublichealth.biomedcentral.com/track/pdf/10.1186/s12889-020-8264-1>.
- Mohammad Suwardi Mohd Yusof, Noor Azman Abdullah, Lingaswaran Arjunan, & Marina Mustapa Al Bakri. (2017). Pengaruh pengalaman keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar Jurusan Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* Jilid 13, 224, 1–23.
- Mohd Hazwan Mohd Puad & Nor Suhaila Mad Nawe. (2021). Sains Insani eISSN: [ 0127-7871] Pengaruh Motivasi Pelajar Dalam Program Latihan Kebolehpasaran. Pengaruh Motivasi Pelajar Dalam Program Latihan Kebolehpasaran Di Era Revolusi Industri 4.0, 185–193.
- Mohd Najib Abd. Ghafar (2003). *Rekabentuk Tinjauan Soal selidik Pendidikan*. Johor: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shahrir Abdullah (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan politektik dalam menceburi bidang keusahawanan. Universiti Tun Hussien.
- Mohd Zain Mubarak (2015) Konsep keusahawanan Islam: terminologi, kerohanian dan al- falah. In: Konsep Keusahawanan Sosial Islam: suatu pengenalan. Universiti Malaysia Kelantan, Kota Bharu, pp. 1-21

- Muhamad Yusof. (1990). Keusahawanan Sosial: Koperasi dan Usahawan. Dimensi koop: Maktab Koperasi Malaysia, 24–34.
- Muhammad Zamri Zainal Abidin, N. S. dan H. Z. (2017). Kempen Tanggungjawab Sosial Korporat dan Persepsi Khalayak : Kesan Kempen Terpilih Petronas terhadap Sikap Kasih Sayang Golongan Pelajar kepada Ibu Bapa, 53–64.
- Nagarathanam, R. A. (2015, Julai 10). Hubungan Sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India di Institusi Pengajian Tinggi Sekitar Bangi. *Projek Penyelidikan*, pp. 1-155.
- Norasmah Othman, Hariyat Ab. Wahid & Armanurah Mohamad. (2019). Pendidikan Keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noraihan Mohamad, M. S. (2014). Penerimaan Media Sosial Dalam Pemasaran Penginapan bajet di Malaysia. *International Conference on Culture* (pp. 1-5). Kedah: UUM.
- Nur Azira Amran, M. N. (2018). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembentukan Model Kecenderungan Keusahawanan Sosial. *International Conference on Entrepreneurship, Business and Tourism* (pp. 129-143). Putrajaya: Fakulti Pendidikan UKM.
- Nurul Adilah Hasbullah, A. A. (2020). Peranan Pemegang Taruh Dalam Menjaga Kebajikan Ekonomi Rakyat Semasa Pandemik Covid-19 Dari Perspektif Ekonomi Islam. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 71-89.
- Ramli, N. J., Aslinda, N., & Seman, A. (2020). Kajian Mengenai Niat Keusahawanan Mengikut Teori Tingkah Laku Terancang. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 984–998.
- Ridvan Cinar. (2019). Delving into Social Entrepreneurship in Universities: Is it Legitimate Yet? *Regional Studies*.
- Roosli, A. H., & Buang, N. A. (2021). Tahap Keinginan Keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi Swasta: Perspektif di Malaysia (Level of Entrepreneurial Desire in Private Institutions of Higher Learning: Perspectives in Malaysia). *Jurnal Dunia Perniagaan*, 3(2), 1–6.
- Roscoe, J. T. (1975). *Fundamental Research Statistics for The Behavioral Sciences* (Second ed.). New York: Holt Rinehart and Winston.
- Rosmani, A., & Aishah, B. N. (2018). Kompetensi Keusahawanan Sebagai Mediator Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(1), 123–130. <http://103.219.237.47/jpend/article/view/43.03-13/8958>.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2013). *Research Method for Business: A Skill Building Approach*. United Kingdom: John Wiley & Sons. Inc.
- Saad, N., & Sankaran, S. (2021). Pengetahuan dengan Kesediaan Pelajar Program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan di Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Sains Insani*, 6(1), 45–51. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.237>.
- Seman, N. A. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan. *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Publisher's Office* (pp. 1499–1508). Johor: Research in Management of Technology and Business.
- Shahrilzaily, A. K. (2017). Amalan Keusahawanan Sosial Di Malaysia: Konsep Dan Definisi (Practice of Social Entrepreneurship in Malaysia: Concepts and Definitions). *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, 1(1), 1268147. [www.icoahlcb.com](http://www.icoahlcb.com).
- Shaikh, S. A., Ismail, A. G., & Mohd Shafiqai, M. H. (2017). Application of Waqf for Social and Development Finance. *ISRA International Journal of Islamic Finance*. <https://doi.org/10.1108/IJIF-07-2017-002>.
- Siddiqi, M. N. (1979). *The Economics Enterprise in Islam*. Markazi Maktaba Islami. New Delhi.

- Syazwani, N., Ali, M., Siti, R., & Radin, A. (2021). Pengaruh Kreativiti dan Kecerdasan Emosi Terhadap Keinginan Keusahawanan Sosial dalam Kalangan Pelajar UMK. International Conference on Business Studies and Education (ICBE), July, 1–89.
- Venkatesh, V. & Davis, F. D. (2000). A Theoretical Extension of The Technology Acceptance Model: Four Longitudinal Field Studies. *Management Science*, 46(2), 186–204.